

06/04/1998

Misi jadi pusat pendidikan kekal

Azizi Othman in London

LONDON, Ahad - Kegawatan ekonomi tidak akan menjejaskan kesungguhan Malaysia berusaha menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau, sebaliknya membantu mempercepatkan tercapainya matlamat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara ekoran masalah ekonomi, membolehkan wang yang dijimatkan itu digunakan untuk membina lebih banyak pusat pendidikan baru bermutu dalam negara.

"Saya tidak fikir kegawatan ekonomi akan menjejaskan cita-cita kita untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau," katanya pada sesi dialog dengan peserta Persidangan Perkongsian Asia-Eropah di sini, semalam.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli), Wilton Park International Conferences, Pusat Penyelidikan dan Komunikasi serta Asia House.

Ia dianjurkan sempena Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem-2) di sini yang mempertemukan pemimpin 10 negara Asia dan 15 dari negara Eropah dan berakhir tengah hari semalam.

Perdana Menteri berkata, dari satu segi kegawatan ekonomi turut membantu kerajaan berikutan Malaysia tidak lagi menghantar pelajar ke luar negara kerana tidak mampu.

"Ini bermakna pelajar belajar di dalam negara dan kita dapat menjimatkan banyak wang yang kemudian boleh disalurkan ke arah pembinaan institusi pendidikan bermutu tinggi, bukan saja untuk mereka tetapi juga pelajar dari seluruh rantau itu.

"Ini sejajar dengan satu daripada keputusan Asem-1 di Bangkok dua tahun lalu iaitu mungkin sudah tiba masanya Eropah menghantar pelajar mereka ke Asia untuk melanjutkan pengajian," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Malaysia tetap memerlukan beberapa tenaga pengajar berpengalaman dan berkemahiran serta kemungkinan biasiswa dari Eropah untuk membiayai mereka.

"Memang satu daripada cabaran utama pendidikan ialah tenaga pengajar.

"Dari dulu Malaysia menghadkan jumlah universitinya bukan kerana tiada wang tetapi berikutan kekurangan kepakaran," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mempunyai kelebihan untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau kerana masyarakatnya mahir berbahasa Inggeris akibat penjajahan British dahulu.

Mengenai dagangan mata wang, beliau berkata, beliau berpuas hati kerana pemimpin Eropah kini bersetuju bahawa satu peraturan dan undang-undang perlu diperkenalkan bagi mendisiplinkan urusan itu.

"Hanya kerajaan yang boleh mengawal selianya.

"Tiada pihak lain yang boleh.

"Oleh itu, kerajaan harus bertegas supaya semua urusan itu dibuat secara telus dan mematuhi syarat tertentu," katanya.

Beliau berkata, kesan buruk gejala dagangan mata wang tidak terkawal sehingga dijadikan senjata mengeksploitasikan pihak lain, kini sudah jelas di Asia.

Oleh itu, katanya, kerajaan perlu mengambil daya usaha untuk merangka garis panduan perundangan bagi mengawal selia dagangan mata wang.

Beliau juga mempertikaikan tanggapan banyak pihak kononnya globalisasi dan liberalisasi ekonomi adalah penawar kepada semua kegawatan yang melanda di dunia ini.

"Ramai yang bercakap mengenai amalan persaingan yang adil akan menjurus kepada keadilan.

"Hakikatnya, jika pesaingnya ialah orang dewasa dan kanak-kanak, dasar persaingan adil sudah tentu bukan sesuatu yang wajar," katanya.

(END)